

MENTERI SYOR STRATEGI BARU

Oleh Skuad Khas
Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dalam usaha menjamin keharmonian dan kesejahteraan warga kota, perbincangan lanjut bagi memperluaskan terma rujukan KL Strike Force akan diadakan supaya tindakan bersepada dapat diambil untuk membanteras aktiviti pelacuran.



DR ZALIHA

di seluruh Kuala Lumpur.

Menyeri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, satu strategi baru perlu dikaji dan diteliti di mana-mana kawasan yang dilaporkan dan dikenal pasti sebagai *red light area* atau kawasan aktiviti pelacuran.

Beliau berkata, merubah wajah dan imej kawasan yang berkenaan boleh dilaksanakan melalui program pembaharuan semula bandar atau *urban regeneration* dengan meningkatkan ciri-ciri keselamatan, kebolehdiaman dan daya ekonomi.

“Proses ini memerlukan pendekatan menyeluruh yang mengimbangi pembangunan semula dengan pemeliharaan warisan budaya dan kepentingan komuniti.

“Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Banda-



LAPORAN Harian Metro, 20 Jun lalu.

raya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil maklum menganai aktiviti pelacuran yang dilaporkan berleluasa di sekitar bandar raya dan menghargai usaha Po-

lis Diraja Malaysia (PDRM) membanteras kegiatan itu demi kesejahteraan bersama.

“Apapun, langkah bersepada diperlukan dalam

membanteras aktiviti pelacuran di Kuala Lumpur,” katanya mengulas laporan eksklusif Harian Metro mendedahkan lubuk tertua kegiatan pelacuran di ibu negara sekitar Pudu termasuk pelacur yang bersepah mencari pelanggan di sebuah medan selera di Jalan Gelang dan Jalan Kalong diserbu pada Sabtu minggu lalu.

Dalam serbuan itu, polis menyerbu medan selera di Jalan Gelang dan Jalan Kalong serta menahan 27 orang termasuk pelayan pelanggan (GRO) dan pelacur. Serbuan dijalankan Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap (D7) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman itu hasil pendedahan eksklusif Harian Metro sebelum ini berkaitan kegiatan medan selera menawarkan khidmat seks serendah RM100.

Susulannya Khamis la-

lu, polis mendedahkan mengenal pasti empat lokasi yang dijadikan sarang pelacuran di sekitar ibu kota yang menawarkan khidmat seks dengan harga murah kepada pelanggan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa dilaporkan berkata, antara lokasi yang dikesan Jalan Petaling, Jalan Gelang, Jalan Pudu dan Hotel Richmoore di sini.

Penganalisis keselamatan dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof Dr Mohd Mizan Mohd Aslam memberikan pandangannya dengan mengatakan Indonesia boleh tutup kawasan Dolly di Surabaya yang sudah lama berakar sebagai pusat pelacuran terbesar Asia Tenggara, maka Malaysia boleh laksana tindakan sama di lubuk perunduan tertua di ibu negara.